

## Nasional

# Dana tambahan RM10j bayar elaun praktikal

Pelajar universiti diberi peluang dapat latihan berkualiti di agensi kerajaan

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jemaah Menteri semalam memperuntukkan dana tambahan sebanyak RM10 juta bagi bayaran elaun kepada

pelajar universiti yang menjalani latihan praktikal di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata ia bagi membolehkan sektor awam terus memberikan latihan praktikal kepada pelatih, selain menjaga kebijakan mereka.

"Kerajaan memandang serius mengenai latihan berkualiti dan menepati kehendak pasaran kerja terus diberi kepada anak muda sebagai bakal pelapis pemimpin negara.

"Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan terus memperjuang-

kan peluang anak muda mendapat latihan sewajarnya dan secukupnya bagi mewarisi kepemimpinan negara ini pada masa depan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Pada 15 Ogos lalu, Syed Saddiq mengumumkan kadar elaun bagi pelajar universiti yang menjalani latihan praktikal di kementerian, agensi atau jabatan kerajaan akan dinaikkan daripada RM300 sebulan kepada kira-kira RM900 sebulan.

Perkara berkenaan diputuskan kerajaan pada mesyuarat jawatankuasa khas Kabinet anak muda dan peningkatan kadar elaun le-

bih tiga kali ganda itu akan mula berkuat kuasa pada 1 September lalu.

Pelatih yang tidak menerima bayaran ketika menjalani latihan praktikal di kementerian, agensi atau jabatan kerajaan pada kadar baharu boleh membuat laporan kepada KBS.

Dengan kadar elaun RM900 sebulan, pelajar universiti yang menjalani latihan praktikal di kementerian, agensi atau jabatan kerajaan bukan lagi sekadar 'budak kopi dan tukang fotokopi', sebaliknya perlu diberikan kerja berseuaian setimpal dengan bayaran diterima mereka.



**Kerajaan memandang serius mengenai latihan berkualiti dan menepati kehendak pasaran kerja terus diberi kepada anak muda.**

**Syed Saddiq  
Syed Abdul Rahman,  
Menteri Belia dan Sukan**